

Usah biar gajet rosakkan golongan muda



Oleh Nor Fatin Amira Salleh

Alexander Graham Bell mencipta telefon untuk membawa manusia ke tahap lebih tinggi dan memberi manfaat kepada semua.

Tidak dinafikan, dengan ciptaan hebat Graham Bell itu membolehkan manusia berhubung antara satu sama lain tanpa sempadan.

Namun di sebalik pelbagai kebaikan itu, ada juga aspek negatif disebabkan gajet.

Baru-baru ini, sebuah

akhbar tempatan melaporkan seorang kanak-kanak perempuan berusia 12 tahun dari Denver, Amerika Syarikat ditangkap polis kerana dikatakan cuba membunuh ibunya gara-gara berang iPhonanya dirampas.

Dia dikatakan meracun ibunya menggunakan cecair peluntur.

Dalam satu kes berlainan di Malaysia pula, seorang suri rumah hampir kehilangan rumah tangga kerana dia mengabaikan tugas sebagai isteri dan ibu, disebabkan terlalu leka dan ketagih bermain permainan video secara dalam talian menerusi iPhone.

Dua kes itu hanyalah contoh sebahagian kecil

bagaimana manusia begitu mudah sekali terpengaruh dengan gajet dan menjadikannya keutamaan pada masa kini.

Menurut laporan Memahami Pengguna Telefon Bimbit Asia kajian firma pengguna Nielsen, Malaysia negara ketiga tertinggi di Asia Pasifik dalam penggunaan telefon bimbit melebihi Amerika Syarikat.

Malaysia turut mencatatkan kadar penembusan telefon pintar sebanyak 80 peratus selepas Hong Kong dan Singapura (87 peratus), diikuti Australia (75 peratus) dan China (71 peratus).

Ini menunjukkan betapa rakyat Malaysia menjadikan gajet sebagai keperluan penting dalam

kehidupan sehinggakan hampir separuh pengguna telefon bimbit memiliki lebih daripada satu telefon bimbit pada masa yang sama dengan kadar 47 peratus.

Apa yang membimbangkan, dengan berlakunya perkembangan teknologi secara tidak sihat ini, ia membantutkan nilai kemanusiaan dan sahsiah diri insan.

Ada anak seawal usia enam tahun sudah kenal pelbagai nama gajet. Mereka terlalu taasub hingga mencetuskan situasi gagal menyesuaikan diri dengan persekitaran.

Kanak-kanak dulu mengisi masa lapang dengan bermain permainan tradi-

sional tetapi kini gajet lebih menjadi pilihan, sekali gus mewujudkan senario anti-sosial.

Memang tidak salah mereka mengenal dunia luar lebih cepat, namun jika tanpa pengawasan dan pengawalan, musibah yang besar akan menanti. Pembelajaran mungkin merosot dan pemilihan bahan bermaklumat atau berbentuk ilmiah semakin merudum.

Mereka perlu dikawal dalam penggunaan gajet dengan cara betul dan ibu bapa boleh mengambil inisiatif memasukkan aplikasi pembelajaran.

Sekolah pula boleh menjadikan gaya pengajaran guru lebih interaktif dan kreatif agar penggunaan

gajet lebih bermanfaat dan mematuhi nilai murni.

Pada masa sama, kerajaan harus mengeluarkan satu garis panduan untuk penggunaan gajet kepada golongan berusia bawah 20 tahun dan membuat penapisan media sosial. Ia bertujuan mengawal golongan itu menggunakan gajet secara berhemah dan tidak melebihi batas ditetapkan.

Semua pihak perlu memainkan peranan bagi memastikan masalah ini dapat ditangani dengan baik daripada terus memusnahkan masa depan generasi muda.

**Penulis ialah siswi USIM*